

D.R. 35/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Zon Bebas (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*] dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dalam takrif “kawasan utama kastam”, dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Pihak Berkuasa” takrif yang berikut:

‘ “Pulau 1” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;’.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 (“Akta 438”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 438.

Perenggan 2(a) bertujuan untuk mengeluarkan Pulau 1 dari takrif “kawasan utama kastam”.

Perenggan 2(b) bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “Pulau 1” ke dalam Akta 438.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3376]